



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	KERUGIAN JUTAAN RINGGIT AKIBAT TIDAK MAHIR VCTF
M/S	24-25
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT


Kerugian jutaan ringgit akibat tidak mahir VCTF

Oleh DR RUZAIMI MAT RANI
gayautusan@mediamula.com.my

TAJUK perbincangan yang menarik untuk difikirkan bersama terutama kepada ahli lembaga pengarah syarikat, ketua pegawai eksekutif, pengurus besar sumber manusia dan lain-lain yang berkaitan. Adakah benar organisasi boleh kerugian jutaan ringgit disebabkan oleh Visual Communication Through Freehand (VCTF)? Hal ini boleh berlaku jika kita tidak membudayakan keupayaan VCTF dalam organisasi. VCTF adalah satu keupayaan yang amat penting untuk membolehkan seseorang berkomunikasi secara visual spontan dengan efektif. Tujuan VCTF adalah untuk mengurangkan salah faham dan mempercepat an proses menzhahir serta menyampaikan idea-idea dengan cepat dan berkesan.

Bagaimana sesebuah organisasi boleh kerugian jutaan ringgit akibat tidak mahir VCTF?

Banyak aktiviti yang memerlukan VCTF seperti perbincangan ringkas, memberi arahan, menyatakan pendapat atau idea, mesyuarat dan lain-lain lagi. Perbincangan ini hanya tertumpu kepada satu senario sahaja iaitu proses pembentangan kerja. Sila rujuk gambar rajah yang diberikan. Gambar rajah ini merujuk kepada ketidakupayaan pembenteng untuk menyatakan idea dalam bentuk visual spontan. Senario ini menyebabkan kumpulan fokus gagal memahami dengan jelas idea yang ingin disampaikan.



Hanya disebabkan staf tidak mahir VCTF, organisasi kerugian jutaan ringgit disebabkan ketidakupayaan menyampaikan idea dengan sempurna.

Kita boleh bayangkan pembentangan yang tidak efektif akan mengakibatkan 'salah komunikasi' dan banyak perkara negatif akan berlaku. Salah satunya adalah pembaziran penggunaan tenaga elektrik. Gambar rajah menunjukkan penggunaan tenaga elektrik 'sebelum' dan 'semasa' pembentangan. Kita boleh bayangkan pembaziran tenaga elektrik berlaku disebabkan pembentangan perlu dibuat berulang kali sehingga kumpulan fokus faham dan mampu melaksanakan perkara yang dirancang. Kita boleh buat unjuran kerugian dalam bentuk wang ringgit yang akan ditanggung oleh organisasi jika senario ini berlaku kepada majoriti staf. Matematik mudah. Sesebuah organisasi akan menanggung

Kerugian sebanyak RM14.4 juta pula akan ditanggung untuk 1,000 orang staf. Simulasi ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sesebuah organisasi membudayakan VCTF kepada semua staf."

kos tambahan untuk tenaga elektrik sebanyak RM1,200 setahun untuk seorang staf disebabkan salah komunikasi. Kerugian sebanyak RM14.4 juta pula akan ditanggung untuk 1,000 orang staf. Simulasi ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sesebuah organisasi membudayakan VCTF kepada semua staf. Jika organisasi berjaya mengurangkan kos penggunaan tenaga elektrik, lebihan wang tersebut boleh disalurkan kepada aktiviti-


aktiviti menyokong kebajikan dan peningkatan kemahiran staf. Sudah pastinya prestasi kerja menunjukkan peningkatan. Adakah kita mempunyai pilihan untuk tidak menguasai VCTF dalam memastikan ketidakupayaan dan salah komunikasi ditahap yang minimum? Sememangnya kita tidak mempunyai pilihan. VCTF adalah kemahiran yang amat perlu dikuasai oleh semua staf dalam organisasi untuk

membolehkan mereka berkomunikasi secara visual spontan dengan efektif. Kita amat perlu membudayakan VCTF dalam organisasi untuk membolehkan kita mengurangkan kos tenaga elektrik disebabkan salah komunikasi. Kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang kursus VCTF ini, boleh layari <https://forms.gle/muf7sGRYzgx2uvJT6> atau scan QR code yang disediakan.



Jumlah staf	Kos tenaga elektrik disebabkan 'salah komunikasi'	
	1 bulan	12 bulan (setahun)
1 staf	RM100	RM100 x 12 bulan = RM1,200
1000 staf	RM1,200 x 1000 = RM1,200,000	RM1.2 juta x 12 bulan = RM14.4 juta

Simulasi kerugian jutaan ringgit disebabkan majoriti staf dalam sesebuah organisasi tidak mahir VCTF



DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--